Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 185-200
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118813

PEMBINAAN PEMIKIRAN KRITIS ERA DIGITAL MELALUI PEMBELAJARAN BERASASKAN MASALAH DALAM PENDIDIKAN ISLAM

DEVELOPING CRITICAL THINKING IN THE DIGITAL ERA THROUGH PROBLEM-BASED LEARNING IN ISLAMIC EDUCATION

Norizan Hassan[1*]
Siti Nurulizah Musa[2]
Siti Raudah Abdul Karim[3]
Aisyah Mustafa[4]
Maisarah Ahmad Razman[5]

[1]Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor (E-mel: norizanhassan@uitm.edu.my)
[2]Seksyen Pembangunan Pelajar, Malaysian Institute of Industrial Technology, Universiti Kuala Lumpur, Persiaran Sinaran Ilmu, Bandar Seri Alam, Johor, Malaysia (E-mel: sitinurulizah@unikl.edu.my)
[3]Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor (E-mel: sitiraudah@uitm.edu.my)
[4]Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor (E-mel: aisyahmustafa@uitm.edu.my)
[5] Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA, Shah Alam, Selangor (E-mel: maisarahar@uitm.edu.my)
*Corresponding author: norizanhassan@uitm.edu.my

.

Article history
Received date : 15-10-2026
Revised date : 16-10-2026
Accepted date : 6-11-2026
Published date : 10-11-2026

To cite this document:
Hassan, N., Musa, S. N., Abdul Karim, S. R., Mustafa, A., & Ahmad Razman, M. (2026). Pembinaan pemikiran kritis era digital melalui pembelajaran berasaskan masalah dalam pendidikan Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED),* 11 (88), 185-200.

Abstrak: *Era tamadun digital masa kini bukan sahaja memacu perkembangan teknologi dan akses maklumat yang pantas, malah turut mencetuskan pelbagai cabaran seperti penyebaran berita palsu, de-intelektualisme, krisis nilai serta isu etika siber. Dalam konteks ini, pendekatan pengajaran Pendidikan Islam yang bersifat tradisional dilihat kurang memadai untuk membangunkan keupayaan pelajar menilai dan menyelesaikan isu semasa secara kritis serta beretika. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan membina satu kerangka Model Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) Bersepadu yang mengintegrasikan wahyu dan akal dalam proses penyelesaian masalah kontemporari. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis dokumen dan tinjauan literatur sistematik terhadap teori pembelajaran konstruktivisme, konsep ijtihad dan tadabbur dalam tradisi intelektual Islam serta model-model PBL sedia ada. Hasil analisis membawa kepada pembinaan kerangka model yang mengandungi tiga fasa utama, iaitu Fasa 1: Identifikasi Masalah Kontemporari, yang menekankan pengenalpastian isu semasa, analisis fakta dan jurang maklumat; Fasa 2: Penerokaan Berasaskan Wahyu dan Akal, yang mengintegrasikan kajian sumber naqli dan data empirikal melalui analisis berteraskan perspektif Islam; dan Fasa 3: Resolusi*

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 185-200
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118813

Bertamadun, yang melibatkan musyawarah, perbincangan ilmiah serta penghasilan solusi atau produk yang memberi manfaat kepada masyarakat. Dapatan kajian menunjukkan bahawa model ini berupaya membimbing pelajar menghubungkan sumber wahyu dengan bukti saintifik dan realiti semasa dalam proses membuat keputusan. Selain memperkukuh pemikiran kritis dan kemahiran penyelesaian masalah, model ini turut membantu membentuk pertimbangan yang beretika, beradab dan bertanggungjawab. Implikasi kajian menunjukkan bahawa Model PBL Bersepadu berpotensi menjadi kerangka pedagogi Pendidikan Islam yang relevan dalam melahirkan generasi yang mampu menangani cabaran tamadun digital melalui integrasi wahyu, akal dan bukti empirikal secara seimbang.

Kata Kunci: *Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL), Pendidikan Islam, Pemikiran Kritikal, Tamadun Digital, Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).*

Abstract: *The digital civilization era has not only accelerated technological advancement but has also given rise to various challenges, including the spread of misinformation, de-intellectualization, ethical dilemmas, and cyber-related issues. In this context, conventional approaches to Islamic Education are often perceived as insufficient in equipping students with the ability to critically evaluate information and address contemporary issues in a rapidly evolving digital environment. Therefore, this study aims to develop an Integrated Problem-Based Learning (PBL) Model that incorporates both revelation (wahy) and reason ('aql) as complementary sources in addressing contemporary problems. This study employs a qualitative approach through document analysis and a systematic literature review of constructivist learning theory, the Islamic intellectual traditions of ijtihad and tadabbur, and existing PBL models. The findings led to the development of a conceptual framework comprising three main phases: Phase 1: Identification of Contemporary Problems, which focuses on recognizing current issues, analysing facts, and identifying information gaps; Phase 2: Exploration Based on Revelation and Reason, which integrates scriptural sources and empirical evidence through analysis grounded in Islamic perspectives; and Phase 3: Civilized Resolution, which emphasizes consultation (shura), scholarly discourse, and the formulation of practical solutions or creative products that benefit society. The findings suggest that the proposed model enables students to connect revealed knowledge with scientific evidence and contemporary realities in the decision-making process. In addition to strengthening critical thinking and problem-solving skills, the model fosters ethical reasoning, intellectual responsibility, and moral conduct. The study implies that the Integrated PBL Model has significant potential as a pedagogical framework for Islamic Education in preparing students to address the challenges of the digital age through a balanced integration of revelation, reason, and empirical evidence.*

Keywords: *Problem-Based Learning (PBL), Islamic Education, critical thinking, revelation and reason, digital civilization, contemporary problem-solving.*

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 185-200
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118813

Pengenalan

Perkembangan teknologi digital telah membawa perubahan besar dalam kehidupan masyarakat masa kini. Akses maklumat yang pantas dan tanpa sempadan membolehkan individu memperoleh pelbagai sumber pengetahuan dengan mudah. Namun demikian, kemajuan ini turut disertai pelbagai cabaran seperti penyebaran berita palsu, lambakan maklumat yang tidak sahih, krisis nilai serta pelbagai isu etika dalam ruang siber. Keadaan ini menuntut individu memiliki keupayaan berfikir secara kritis, membuat pertimbangan yang tepat dan menyelesaikan masalah secara beretika berasaskan maklumat yang sahih.

Dalam konteks Pendidikan Islam, cabaran tersebut memerlukan pendekatan pedagogi yang mampu menghubungkan ilmu wahyu dengan realiti semasa. Walau bagaimanapun, pendekatan pengajaran yang berorientasikan penyampaian maklumat semata-mata dilihat kurang memberi ruang kepada pelajar untuk meneroka, menganalisis dan menilai isu-isu kontemporari secara mendalam. Justeru, terdapat keperluan untuk menerapkan pendekatan pembelajaran yang dapat membangunkan kemahiran berfikir aras tinggi, penyelesaian masalah dan pertimbangan etika dalam kalangan pelajar.

Pembelajaran Berasaskan Masalah (*Problem-Based Learning* - PBL) merupakan salah satu pendekatan yang berpotensi memenuhi keperluan tersebut kerana menekankan pembelajaran melalui penerokaan masalah sebenar, pencarian maklumat, perbincangan dan pembinaan penyelesaian. Namun, kebanyakan model PBL yang digunakan pada masa kini berasaskan kerangka konstruktivisme yang lebih menumpukan kepada pengalaman dan penaakulan manusia. Dalam tradisi keilmuan Islam, proses penyelesaian masalah bukan sahaja melibatkan penggunaan akal, bahkan dipandu oleh sumber wahyu melalui proses tadabbur, ijtihad dan pertimbangan nilai yang berteraskan syariat.

Oleh itu, terdapat keperluan untuk membangunkan suatu model PBL yang mengintegrasikan wahyu dan akal secara seimbang bagi membolehkan pelajar memahami, menganalisis dan menyelesaikan isu-isu kontemporari dalam kerangka Pendidikan Islam. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan membina satu kerangka Model Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) Bersepadu yang mengintegrasikan wahyu dan akal dalam proses penyelesaian masalah kontemporari. Kajian ini dipandu oleh persoalan bagaimanakah kerangka Model PBL Bersepadu yang mengintegrasikan wahyu dan akal dapat dibangunkan dalam konteks Pendidikan Islam?

Kajian ini penting kerana dapat menyumbang kepada penggayaan pedagogi Pendidikan Islam yang lebih responsif terhadap cabaran tamadun digital. Kerangka model yang dicadangkan bukan sahaja menyediakan panduan sistematik kepada pendidik dalam melaksanakan pembelajaran berasaskan masalah, malah mengukuhkan integrasi wahyu, akal dan bukti empirikal dalam proses pembelajaran. Melalui pendekatan ini, pelajar berpeluang mengembangkan kemahiran pemikiran kritis, penyelesaian masalah dan membuat keputusan secara beretika berdasarkan nilai-nilai Islam. Di samping itu, model yang dibangunkan berpotensi menjadi rujukan kepada pendidik, penyelidik dan penggubal kurikulum dalam usaha memperkasa Pendidikan Islam agar kekal relevan dalam melahirkan generasi yang berilmu, beradab serta mampu menangani isu-isu kontemporari secara bertanggungjawab.

Kajian Literatur

Pengajaran Pendidikan Agama Islam (PAI) kini menuntut anjakan pedagogi daripada kaedah hafalan pasif kepada pembelajaran berpusatkan pelajar (Roni, 2025; Sholiha et al., 2024), di

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 185-200
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118813

mana *Problem-Based Learning* (PBL) ditakrifkan sebagai model pengajaran yang menyajikan masalah dunia sebenar yang kontekstual sebagai titik permulaan untuk membina pengetahuan baharu, mengasah pemikiran kritis dan meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah secara kolaboratif (Roni, 2025). Walau bagaimanapun, realiti pengajaran PAI di bilik darjah masih banyak didominasi oleh kaedah konvensional berpusatkan guru yang berorientasikan hafalan fakta semata-mata, menyebabkan pelajar menghadapi kesukaran untuk mengaitkan doktrin agama yang abstrak dengan dilema etika kehidupan seharian serta kurang menguasai kemahiran berfikir aras tinggi (Sholiha et al., 2024). Oleh itu, kajian ini amat penting untuk menyediakan kaedah terbaik pelaksanaan PBL dalam meningkatkan pencapaian akademik dan pembentukan karakter akhlak pelajar. Di samping itu, ia juga memberi panduan praktikal kepada guru serta penggubal dasar untuk memodenkan pedagogi Pendidikan Islam agar kekal relevan dengan tuntutan pendidikan abad ke-21.

Perkembangan pesat teknologi maklumat dan cabaran sosio-budaya abad ke-21 menuntut anjakan paradigma radikal dalam sistem PAI (Hamzah et al., 2022; Sholiha et al., 2024). Pendekatan konvensional berpusatkan guru yang berasaskan syarahan pasif, hafalan fakta dan penerimaan teks secara langsung didapati kurang berkesan untuk membina pemahaman keagamaan yang mendalam serta gagal melatih keupayaan penaakulan etika pelajar mendepani dilema moden (Amirudin et al., 2025; Sholiha et al., 2024). Keadaan ini mewujudkan desakan agar PAI ditransformasikan kepada pembelajaran berpusatkan pelajar yang berasaskan inkuiri dan penyelesaian masalah.

Daripada sudut kerangka teori, PBL berakar umbi daripada teori konstruktivisme yang menegaskan bahawa pelajar membina pengetahuan baharu secara aktif menerusi interaksi bermakna dengan persekitaran mereka (Amirudin et al., 2025; Hosaini et al., 2024; Roni, 2025; Sholiha et al., 2024). Selari dengan pandangan falsafah pendidikan, prinsip *learning by doing* yang dikembangkan oleh John Dewey menghubungkan proses kognitif dengan amalan praktikal. Di dalam epistemologi Islam, ia mencerminkan konsep amal soleh iaitu penzahiran ilmu keagamaan dalam bentuk tindakan nyata yang bermanfaat bagi masyarakat. Menurut Amirudin et al. (2025) dan Sholiha et al. (2024), aktiviti PBL yang berasaskan dialog dan perbincangan kumpulan juga selari dengan perintah al-Quran mengenai amalan musyawarah serta tradisi inkuiri keagamaan.

Dalam konteks Pendidikan Islam, pemikiran kritis merangkumi keupayaan rasional untuk menganalisis, menilai, dan mensintesis maklumat keagamaan serta membandingkannya dengan fakta realiti sebelum merumus keputusan yang beretika (Pransiska et al., 2024; Sholiha et al., 2024; Siregar, 2024). PBL meletakkan masalah dunia sebenar yang kompleks dan berstruktur longgar (*ill-structured problems*) sebagai pemacu utama pembelajaran. Apabila dihadapkan dengan senario kes kontemporari, pelajar digalakkan melangkaui aras kognitif rendah kepada aras Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT).

Kajian-kajian empirikal secara konsisten membuktikan bahawa pelaksanaan PBL dalam PAI meningkatkan kemahiran berfikir kritis dan pencapaian akademik pelajar secara signifikan berbanding kaedah konvensional (Anwar, 2016; Damayanti et al., 2024; Kamil et al., 2019; Siregar, 2024). Proses PBL melatih pelajar untuk mencerakinkan punca masalah, membezakan antara fakta dengan andaian serta menilai kredibiliti dalil dan data sebelum membuat kesimpulan yang logik bersandarkan syariat (Pransiska et al., 2024; Siregar, 2024).

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 185-200
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118813

Di samping itu, PBL terbukti berkesan dalam membantu pelajar menguasai konsep-konsep agama yang bersifat abstrak. Melalui penyiasatan masalah kontekstual, topik-topik seperti ibadah (solat, zakat, thaharah), akidah, muamalah dan akhlak tidak lagi dihafal sebagai teori semata-mata sebaliknya dihubungkan secara langsung dengan aplikasi praktikal dalam kehidupan seharian pelajar (Apriyanti & Rahayu, 2024; Mujahid & Fajrina, 2023).

Era digital kini menuntut integrasi kemahiran 4C (*Critical Thinking, Creativity, Communication, Collaboration*) bersama literasi teknologi dan maklumat dalam pengajaran PAI. Pengintegrasian alatan digital seperti portal e-pembelajaran, *Learning Management System* (LMS), aplikasi mudah alih khas, e-modul dan *flipped classroom*. Kesemua ini berfungsi sebagai pemudah cara utama yang meningkatkan keberkesanan model PBL. Pembelajaran berasaskan teknologi ini membolehkan pelajar mengakses pelbagai sumber maklumat atas talian secara aktif, merentasi kekangan masa dan ruang, serta membiasakan mereka menyaring limpahan maklumat digital secara kritis berasaskan nilai-nilai Islam (Anshori, 2021; Hamzah et al., 2022; Triono et al., 2023).

Walaupun PBL membawa impak positif yang luas, literatur sedia ada turut mengetengahkan pelbagai cabaran praktikal dalam pelaksanaannya. Antara cabarannya ialah:

1. Kekangan masa instruksional
   Proses PBL yang melibatkan inkuiri, perbincangan kumpulan, dan penyediaan pembentangan memerlukan peruntukan masa yang panjang melebihi jadual waktu waktu bilik darjah konvensional (Afkarina & Jannah, 2025; Fakhruddin & Suhid, 2017),
2. Kesediaan dan latihan profesionalisme guru
   Terdapat kekurangan latihan khusus bagi guru PAI untuk beralih daripada peranan penyampai maklumat tradisional kepada fasilitator PBL yang berkesan(Afkarina & Jannah, 2025; Pransiska et al., 2024)
3. Penyelarasan pentaksiran
   Kaedah penilaian sumatif konvensional didapati tidak memadai untuk mengukur proses dialogik dan pembinaan pengetahuan PBL. Wujud keperluan mendesak terhadap rubrik pentaksiran holistik (seperti penilaian kendiri, penilaian rakan sebaya, dan portfolio reflektif). (Amirudin et al., 2025; Pransiska et al., 2024)
4. Ketandusan kajian di peringkat sekolah rendah dan kluster kurikulum tertentu
   Majoriti kajian tertumpu di peringkat sekolah menengah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT). Manakala kajian di sekolah rendah dan dalam komponen PAI selain Akidah dan Ibadah seperti Akhlak, Ketiadaan fasa dan langkah pelaksanaan yang jelas menyebabkan PBL sering dilaksanakan tanpa suatu struktur yang sistematik dan komprehensif. Keadaan ini boleh menimbulkan ketidakseragaman dalam pelaksanaan aktiviti pembelajaran serta menyukarkan proses mencapai objektif yang ditetapkan.
5. Ketiadaan fasa atau langkah khusus yang menyeluruh
   Ketiadaan fasa dan langkah pelaksanaan yang jelas menyebabkan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) sering dilaksanakan tanpa suatu struktur yang sistematik dan komprehensif (Anshori, 2021; Siregar, 2024). Keadaan ini boleh menimbulkan ketidakseragaman dalam pelaksanaan aktiviti pembelajaran serta menyukarkan proses mencapai objektif yang ditetapkan. Oleh itu, pembinaan dan penggunaan struktur pelaksanaan yang khusus serta terancang perlu diberi perhatian bagi memastikan aktiviti PBL dapat dijalankan dengan lebih teratur, berkesan dan mampu merangkumi semua aspek pembelajaran yang diperlukan.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 185-200
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118813

Ketiadaan struktur khusus ini menuntut penulis untuk mengkaji dan membangunkan satu kerangka yang jelas merangkumi fasa, langkah serta strategi pelaksanaan PBL dalam bilik darjah. Perkara ini amat penting bagi memastikan proses pembelajaran berlangsung secara sistematik, terancang dan berfokus, sekali gus mengelakkan berlakunya kekeliruan dalam kalangan pelajar dan guru sepanjang pelaksanaan aktiviti PBL. Selain itu, kewujudan struktur yang jelas dapat memastikan setiap peringkat pembelajaran dilaksanakan secara berkesinambungan serta merangkumi aspek kognitif, afektif dan psikomotor secara seimbang bagi mencapai objektif pembelajaran yang ditetapkan.

Metodologi

Kajian ini menggunakan pendekatan *Systematic Literature Review* (SLR) bagi mengenal pasti, menilai dan mensintesis kajian-kajian terdahulu berkaitan pelaksanaan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) dalam Pendidikan Islam. Pendekatan ini dipilih bagi memperoleh pemahaman yang menyeluruh tentang konsep, pelaksanaan, keberkesanan dan cabaran PBL dalam konteks Pendidikan Islam.

Proses kajian dilaksanakan berdasarkan garis panduan *Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses* (PRISMA) yang merangkumi empat fasa utama iaitu pengenalpastian (*identification*), saringan (*screening*), penentuan kelayakan (*eligibility*) dan pemilihan artikel (*inclusion*).

Pencarian artikel dijalankan melalui pangkalan data *Google Scholar*, manakala beberapa artikel teks penuh diperoleh melalui platform akademik seperti *ResearchGate*. Kata kunci yang digunakan dalam proses pencarian ialah *"Problem-Based Learning", "PBL", "Islamic Education", "Islamic Religious Education",* "Pendidikan Islam" dan "Pendidikan Agama Islam". Kriteria inklusi yang digunakan ialah:

(i) Artikel membincangkan Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) sebagai fokus utama kajian
(ii) Kajian dijalankan dalam konteks Pendidikan Islam atau Pendidikan Agama Islam
(iii) Artikel diterbitkan antara tahun 2017 hingga 2025
(iv) Artikel diterbitkan dalam jurnal akademik yang mempunyai proses *peer-review*
(v) Artikel tersedia dalam bentuk teks penuh.

Sebanyak 24 artikel yang memenuhi kriteria pemilihan telah dianalisis. Data dianalisis menggunakan analisis tematik bagi mengenal pasti pola, tema dan elemen utama yang muncul dalam kajian-kajian terdahulu. Setiap artikel dianalisis secara berulang dan melalui proses pengekodan sebelum dikelompokkan kepada tema-tema utama. Hasil analisis menunjukkan beberapa tema dominan seperti pembangunan pemikiran kritis, kemahiran penyelesaian masalah, pembelajaran kolaboratif, peningkatan motivasi pembelajaran, pengintegrasian nilai Islam serta pembentukan sahsiah pelajar. Hasil analisis ini telah membawa kepada pembentukan Model PBL Bersepadu yang dibincangkan dalam bahagian seterusnya.


Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 185-200
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118813

Hasil dan perbincangan

Hasil Kajian



Rajah 1: Ilustrasi Kerangka Model PBL Bersepadu

Sumber: Penulis

Rajah 1 merupakan Kerangka Model PBL Bersepadu. Model ini menyepadukan konsep modern *Problem-Based Learning* dengan falsafah Pendidikan Islam yang berteraskan kesepaduan ilmu *Aqli* (akal) dan *Naqli* (wahyu) demi melahirkan insan kamil yang bertamadun. Kerangka ini dibahagikan kepada 3 fasa iaitu:

FASA 1: IDENTIFIKASI MASALAH KONTEMPORARI

- Objektif Fasa: Melatih kepekaan sosial, pemikiran analitikal awal, dan menghubungkan kandungan kurikulum dengan realiti dunia sebenar (*mas'alah waqi'iyyah*) (Rambe & Nurwahidah, 2023; Rohman, 2022).
- Langkah Praktikal Pelajar:
    1. Pengemukaan Isu Realistik
       Pelajar meneroka isu-isu semasa yang tidak terstruktur, hangat, dan kompleks yang berlaku dalam komuniti (Rambe & Nurwahidah, 2023; Rohman, 2022) . Masalah ini boleh merangkumi isu moral remaja (seperti buli dan integriti penggunaan teknologi) (Afkarina & Jannah, 2025), isu sosio-ekonomi seperti keberkesanan zakat dalam pembasmian kemiskinan (Mujahid & Fajrina, 2023), atau isu alam sekitar seperti pencemaran sisa plastik (Kamil et al., 2019).
    2. Autonomi Pelajar
       Bagi meningkatkan motivasi intrinsik dan pemikiran kritis, pelajar diberikan autonomi penuh untuk mencadangkan, membincang, dan memilih sendiri kes kontemporari yang ingin mereka selesaikan (Rohman, 2022).
    3. Definisi Masalah

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 185-200
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118813

Pelajar mencerakinkan fakta kes, membezakan antara fakta nyata dengan andaian, serta mengenal pasti jurang maklumat yang perlu diterokai (Siregar, 2024).

- Peranan Guru (Fasilitator)
  Guru bertindak sebagai pembimbing yang memantau kesesuaian masalah dengan standard kurikulum, memastikan masalah mempunyai tahap kesukaran yang mencabar minda (tidak terlalu mudah atau spontan), serta menetapkan sasaran pencapaian.
- Rujukan & Sandaran Sumber
  Pendekatan fasa ini disandarkan kepada konsep pengajaran kontekstual di mana masalah dunia sebenar menjadi titik mula pengajaran.

FASA 2: PENEROKAAN BERASASKAN WAHYU DAN AKAL

- Objektif Fasa: Menyepadukan kaedah inkuiri saintifik-empirikal (Akal) dengan prinsip kebenaran mutlak al-Quran dan Hadis (Wahyu) bagi membina hujah yang seimbang, objektif, dan berkat (Anshori, 2021; Siregar, 2024).
- Langkah Praktikal Pelajar:
  1. Penerokaan Berasaskan Wahyu (*Naqli*)
     Pelajar memulakan pencarian solusi dengan mengkaji ayat-ayat al-Quran, Hadis, dan teks classical Islam (seperti tradisi kitab kuning atau *Aqidatul 'Awam*) yang berkaitan dengan tema masalah (Anshori, 2021; Mujahid & Fajrina, 2023). Proses ini memberikan bimbingan spiritual dan motivasi bahawa proses pencarian solusi ini merupakan sebahagian daripada nilai ibadah.
  2. Penerokaan Berasaskan Akal (*Aqli* / Empirikal)
     Secara serentak, pelajar mengaplikasikan kemahiran literasi maklumat untuk mengumpul data empirikal. Pelajar menjalankan tiga gerak kerja utama (Anshori, 2021; Siregar, 2024):
     - Menjalankan tinjauan literatur ilmiah melalui buku, jurnal penyelidikan, dan internet.
     - Melakukan temu bual lapangan dengan tokoh masyarakat, pakar pendidikan atau ulama.
     - Melakukan pemerhatian dan penyelidikan terus dalam komuniti untuk memahami realiti masalah secara objektif.
  3. Sintesis Analitikal
     Pelajar menganalisis data empirikal tersebut dan menapisnya melalui kanta perspektif dan hukum Islam bagi memastikan solusi yang bakal dirangka selari dengan syariat (Afkarina & Jannah, 2025; Siregar, 2024)
- Peranan Guru
  Membimbing pelajar menilai kredibiliti sumber rujukan (terutamanya rujukan digital) (Apriyanti & Rahayu, 2024), membantu menterjemah teks klasik (Rohman, 2022), serta mendorong perbincangan kognitif aras tinggi tanpa memberikan jawapan secara langsung (Sholiha et al., 2024).
- Rujukan & Sandaran Sumber
  Langkah ini merujuk kepada model PBL-PAI dan modifikasi PBL bersepadu yang melatih pelajar menyelesaikan masalah menggunakan gabungan wahyu dan bukti saintifik.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 185-200
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118813

FASA 3: RESOLUSI BERTAMADUN

- Objektif Fasa: Menghasilkan solusi praktikal yang beretika, membuat keputusan kolektif melalui musyawarah, serta menterjemah pengetahuan kepada tindakan nyata (*amal shalih*) demi kebaikan sejagat.
- Langkah Praktikal Pelajar:
    1. Musyawarah dan Syura
       Pelajar berkumpul dalam kumpulan masing-masing untuk membahaskan alternatif solusi. Proses ini menerapkan elemen *deliberation* (syura) di mana setiap pelajar membentangkan hujah, mendengar secara kritis, bertolak ansur, dan membina konsensus bersama. (Afkarina & Jannah, 2025; Apriyanti & Rahayu, 2024; Sholiha et al., 2024). Kajian daripada Nik Fauzi and Mohamad Ali Adaha (2025) mendapati bahawa 89.1% pelajar Muslim bersetuju bahawa pembelajaran bersemuka membolehkan perbincangan interaktif mengenai topik keagamaan, manakala 88.3% bersetuju ia menggalakkan projek/aktiviti berkumpulan yang memupuk pertumbuhan spiritual dan kemahiran sosial berasaskan nilai kasih sayang dan hormat-menghormati.
    2. Perbahasan Ilmiah
       Pelajar membentangkan draf solusi atau penyelesaian yang dihasilkan di hadapan kelas. Sesi ini dihidupkan dengan perbahasan ala *bahth al-masa'il* (perbincangan pesantren), di mana kumpulan lain boleh mengemukakan sanggahan (*al-radd*) dan kritikan membina berasaskan dalil yang kuat, sekali gus menguji ketahanan penyelesaian tersebut (Rohman, 2022; Sholiha et al., 2024)
    3. Formulasi Solusi dan Tindakan
       Pelajar merumuskan resolusi akhir yang bukan sahaja rational dan praktikal, malah menyerapkan nilai-nilai moral (*makarim al-akhlaq*). Resolusi ini dizahirkan dalam bentuk produk kreatif seperti laporan bertulis, pembentangan slaid atau video pembelajaran informatif untuk menyebarkan kesedaran kepada masyarakat (Anshori, 2021; Siregar, 2024).
- Peranan Guru
  Guru memberikan maklum balas reflektif, memperkukuh konsep hukum yang betul, menilai keberkesanan solusi serta memimpin sesi refleksi nilai keagamaan yang diperoleh pelajar.
- Rujukan & Sandaran Sumber
  Fasa ini berakar umbi daripada tradisi *bahth al-masa'il*, amalan musyawarah serta konsep amal soleh iaitu penterjemahan ilmu yang bermanfaat kepada tindakan nyata yang memberi sumbangan sosial.

Sehubungan dengan itu, pengkaji juga mencadangkan rubrik pentaksiran analitikal untuk digunakan dalam pembelajaran PBL di dalam kelas. Rubrik ini amat penting kerana ia boleh dijadikan sebagai panduan bagaimana penilaian dapat dilakukan dan dapat ditafsirkan. Jadual rubrik berkenaan boleh dirujuk di ruangan Lampiran.

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 185-200
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118813

Perbincangan Kajian

Perbincangan hasil kajian dibahagikan kepada empat perkara iaitu:

1. Perbandingan Model PBL Bersepadu dengan PBL Konvensional

Pengajaran Pendidikan Islam secara konvensional sebahagian besarnya didominasi oleh kaedah syarahan berpusatkan guru (*teacher-centered*), penerimaan maklumat secara pasif, indoktrinasi dan kebergantungan tegar kepada hafalan teks semata-mata (Sholiha et al., 2024; Amirudin et al., 2025; Kamil et al., 2019). Pendekatan tradisional ini kerap gagal membantu pelajar menghubungkan doktrin keagamaan yang abstrak dengan dilema etika realiti kehidupan seharian, selain membataskan pembentukan pemikiran rasional dan kemahiran penyelesaian masalah secara berdikari (Amirudin et al., 2025; Kamil et al., 2019).

Sebaliknya, Model PBL Bersepadu (atau PBL *Remodelling*) mengubah orientasi pengajaran kepada pembelajaran berpusatkan pelajar (*student-centered*) (Roni, 2025; Pransiska et al., 2024). Model ini membezakan dirinya daripada PBL sekular dengan mendedahkan pelajar kepada masalah dunia sebenar (*ill-structured problems*) yang disuntik dengan nilai ibadah dan kesepaduan kerohanian sebagai dorongan intrinsik utama (Roni, 2025; Anshori, 2021). Berbanding kaedah konvensional yang hanya menilai aspek kognitif luaran, PBL Bersepadu membina pemahaman konsep keagamaan secara mendalam, mengurangkan jurang perbezaan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar serta mengintegrasikan domain kognitif, afektif dan psikomotor secara serentak (Roni, 2025; Amirudin et al., 2025; Anshori, 2021). Pengujian empirikal membuktikan bahawa kumpulan pelajar yang mengikuti PBL Bersepadu mencapai peningkatan hasil belajar dan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) yang jauh lebih tinggi berbanding kelas yang menggunakan kaedah konvensional (Anwar, 2017; Damayanti et al., 2024).

2. Integrasi Wahyu dan Akal dalam Proses Penyelesaian Masalah

Merujuk kepada Rajah 1, keunikan epistemologi Model PBL Bersepadu terletak pada penyepaduan harmonis antara Wahyu (Naqli) dan Akal (Aqli / Empirikal) sepanjang fasa penyelesaian masalah (Anshori, 2021; Rohman, 2022). Dalam fasa penerokaan, pelajar tidak hanya bergantung kepada analisis logik akal atau data statistik berasaskan sains semata-mata, sebaliknya memulakan dan memandu penyiasatan berasaskan nas. Nas yang dimaksudkan ialah al-Quran, Hadis serta khazanah teks klasik Islam (seperti *kitab kuning* atau *'Aqidatul 'Awam*) (Anshori, 2021; Rohman, 2022; Mujahid & Fajrina, 2023).

Proses inkuiri ini menggabungkan tiga gerak kerja utama:

1. Penerokaan Naqli: Menggali dalil syarak bagi membina kerangka etika, motivasi spiritual dan batas-batas hukum Islam berkaitan isu yang dikaji (Anshori, 2021).
2. Penerokaan Aqli & Empirikal: Mengumpul data lapangan menerusi carian literatur ilmiah, internet, temu bual tokoh/pakar serta pemerhatian terus dalam masyarakat (Anshori, 2021; Kamil et al., 2019)
3. Sintesis Analitikal: Menganalisis dan menapis fakta empirikal menerusi kanta syariat Islam untuk merumuskan resolusi yang bukan sahaja rasional dan saintifik, malah patuh syariah dan membawa keberkatan (Rohman, 2022; Kamil et al., 2019).

Penyepaduan wahyu dan akal ini melatih pelajar mengamalkan sikap tabayyun iaitu menyemak kebenaran maklumat dan mengelak kebergantungan kepada persepsi atau andaian tanpa bukti

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 185-200
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118813

di era limpahan maklumat digital (Anshori, 2021, Kamil et al., 2019; Rambe & Nurwahidah, 2023).

3. Pembentukan Kemahiran Abad Ke-21 dan Insan Bertamadun

Aplikasi PBL Bersepadu secara langsung memenuhi tuntutan kemahiran abad ke-21 (khususnya kerangka 4C/6C: *Critical Thinking, Creativity, Collaboration, Communication, Character, Citizenship*) (Pransiska et al., 2024; Sholiha et al., 2024):

- Pemikiran Kritis & KBAT: Tugasan penyelesaian masalah mendorong pelajar melangkaui aras kognitif rendah kepada Taksonomi Bloom aras tinggi iaitu menganalisis punca krisis (C4), menilai keabsahan alternatif solusi (C5) dan merangka pelan tindakan etika (C6) (Rambe & Nurwahidah, 2023; Amirudin et al., 2025; Afkarina & Jannah, 2025).
- Kolaborasi & Adab Musyawarah: Aktiviti perbincangan kumpulan melatih amalan syura (musyawarah) mengikut garis panduan Surah Ali 'Imran (3:159) dan Surah Asy-Syura (42:38), di mana pelajar belajar menghormati perbezaan pandangan, berdialog secara adab dan membina konsensus (Sholiha et al., 2024; Rohman, 2022)
- Komunikasi & Kreativiti Digital: Pelajar menyampaikan hasil penyelesaian menerusi pembentangan media interaktif seperti video pembelajaran atau infografik. Di samping itu, pelajar mempertahankan hujah mereka dalam sesi dialektika hujah (*al-radd wa al-i'tiradl*) (Kamil et al., 2019, Rohman, 2022; Anshori, 2021)

Dari sudut pembentukan insan bertamadun, PBL dalam Pendidikan Islam tidak terhenti pada kecekapan teknikal, sebaliknya menjelmakan prinsip *learning by doing* kepada konsep *'amal shalih* (Anshori, 2021; Roni, 2025). Pelajar dibentuk untuk menyelaraskan hubungan dengan Allah (*hablum minallah*) dan hubungan sesama manusia (*hablum minannas*). Ini sekali gus memupuk empati sosial, sifat bertanggungjawab dan kejituan akhlak (Roni, 2025; Sholiha et al., 2024; Damayanti et al., 2024).

4. Implikasi Model terhadap Pendidikan Islam

Pelaksanaan Model PBL Bersepadu membawa implikasi strategik yang mendalam terhadap ekosistem Pendidikan Islam, iaitu:

- Pengusulan Reformasi Kurikulum & Pedagogi: Institusi Pendidikan Islam di pelbagai peringkat perlu mengurangkan kebergantungan kepada pengajaran dogmatik pasif dan memberi ruang yang lebih luas kepada model inkuiri berasaskan masalah (Amirudin et al., 2025; Roni, 2025).
- Pembangunan Profesionalisme Pendidik: Keberkesanan PBL memerlukan penganjakan peranan guru daripada penyampai maklumat (*knowledge transmitter*) kepada pemudah cara (*facilitator*) (Roni, 2025). Guru Pendidikan Islam perlu dibekalkan dengan latihan berterusan untuk meningkatkan kompetensi reka bentuk senario masalah kontekstual serta kemahiran bimbingan dialog keagamaan (Amirudin et al., 2025; Afkarina & Jannah, 2025).
- Pemberdayaan Teknologi Digital & *Flipped Learning*: Integrasi alatan digital seperti LMS, aplikasi mudah alih dan *flipped classroom* terbukti meningkatkan fleksibiliti pencarian rujukan keagamaan dan memudahkan perbincangan interaktif tanpa kekangan masa bilik darjah (Sholiha et al., 2024; Amirudin et al., 2025; Hosaini et al., 2024)
- Penggunaan Pentaksiran Holistik: Penilaian konvensional berasaskan ujian kertas-pensel perlu ditambah baik dengan rubrik pentaksiran analitikal (Rujuk Lampiran) yang

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 185-200
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118813

mampu menilai perkembangan kognitif, penaakulan etika, adab musyawarah serta dimensi afektif pelajar secara berstruktur (Roni, 2025; Amirudin et al., 2025)

Kesimpulan

Model Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL) Bersepadu yang dicadangkan berjaya mengintegrasikan pendekatan penyelesaian masalah kontemporari dengan nilai-nilai Islam secara sistematik melalui tiga fasa utama, iaitu Identifikasi Masalah Kontemporari, Penerokaan Berasaskan Wahyu dan Akal, serta Resolusi Bertamadun. Model ini menempatkan pelajar sebagai agen pembelajaran aktif yang berupaya mengenal pasti isu dunia sebenar, meneroka sumber ilmu secara kritis melalui gabungan wahyu dan bukti empirikal, serta menghasilkan penyelesaian yang praktikal, beretika dan berlandaskan syariat.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan ini bukan sahaja memperkukuh kemahiran berfikir aras tinggi, penyelidikan, komunikasi dan kolaborasi, malah membentuk keperibadian pelajar yang lebih bertanggungjawab, berempati dan mempunyai kesedaran sosial yang tinggi. Integrasi elemen syura, musyawarah, dialektika ilmiah dan *'amal salih* turut menjadikan proses pembelajaran lebih bermakna kerana ilmu yang diperoleh diterjemahkan kepada tindakan yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Secara keseluruhannya, Model PBL Bersepadu berpotensi menjadi satu kerangka pedagogi yang relevan dan sesuai untuk pendidikan Islam abad ke-21 kerana mampu mengimbangi tuntutan pembangunan intelektual, spiritual, sosial dan moral pelajar. Model ini juga menyokong aspirasi pendidikan holistik dengan melahirkan individu yang bukan sahaja kompeten dalam menyelesaikan masalah semasa, tetapi turut berpegang teguh kepada prinsip wahyu dalam membuat keputusan dan tindakan.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan ke Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam dan pihak yang berkaitan atas sokongan akademik yang diberikan dalam penulisan artikel ini.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 185-200
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118813

Rujukan

Afkarina, F. N., & Jannah, N. (2025). *Improving problem-solving skills through the problem-based learning method in Islamic education instruction at schools*. *Jurnal Pendidikan Islam, 15*(1), 106–122. https://doi.org/10.38073/jpi.v15i1.2657

Amirudin, A., Muzaki, I. A., & Nurhayati, S. (2025). *Problem-based learning as a pedagogical innovation for transforming higher education students' Islamic religious comprehension*. *Educational Process: International Journal, 18*, e2025412. https://doi.org/10.22521/edupij.2025.18.412

Anshori, I. (2021). *Problem-based learning remodelling using Islamic values integration and sociological research in madrasas*. *International Journal of Instruction, 14*(2), 421–442. https://doi.org/10.29333/iji.2021.14224a

Anwar, C. (2017). *The effectiveness of problem based learning integrated with Islamic values based on ICT on higher order thinking skill and students' character*. *Al-Ta Lim Journal, 23*(3). https://doi.org/10.15548/jt.v23i3.244

Apriyanti, I., Leginem, & Rahayu, S. (2024). *Efforts to improve student learning outcomes through the problem based learning model in Islamic education learning at SD Negeri 104325 Kampung Manggis*. *Journal of Indonesian Primary School, 1*(2), 61–68.

Damayanti K., Effendi, M., & Daryono, R. W. (2024). *The effectiveness of the problem-based learning model on student learning achievement in Islamic education learning*. *International Journal of Recent Educational Research, 5*(5), 1097–1108. https://doi.org/10.46245/ijorer.v5i5.653

Fakhruddin, F. M., & Suhid, A. (2017). *Pembelajaran berasaskan masalah: Cabaran pelaksanaannya dalam pengajaran pendidikan Islam sekolah menengah*. *International Journal of Education and Training (InjET), 3*(2), 1–6.

Gani, A., Zulaikhah, S., Irsyady, K. A., & Siregar, F. M. (2021). *Problem-based learning and thinking style impact on information literacy skill improvement among Islamic education department students*. *Library Philosophy and Practice (e-journal)*, 5997. https://digitalcommons.unl.edu/libphilprac/5997

Hamzah, Tambak, S., Hamzah, M. L., Purwati, A. A., Irawan, Y., & Umam, M. I. H. (2022). *Effectiveness of blended learning model based on problem-based learning in Islamic studies course*. *International Journal of Instruction, 15*(2), 775–792. https://doi.org/10.29333/iji.2022.15242a

Hosaini, Qomar, M., Fitri, A. Z., Akhyak, & Kojin. (2024). *Innovative learning strategies for Islamic religious education based on Merdeka Belajar curriculum in vocational high schools*. *Al-Hayat: Journal of Islamic Education, 8*(3). https://doi.org/10.35723/ajie.v8i3.r587

Kamil, B., Velina, Y., & Kamelia, M. (2019). *Students' critical thinking skills in Islamic schools: The effect of problem-based learning (PBL) model*. *Tadris: Jurnal Keguruan dan Ilmu Tarbiyah, 4*(1), 77–85. https://doi.org/10.24042/tadris.v4i1.4212

Mujahid, & Fajrina, K. N. (2023). *Integrating traditional and modern educational methods: An analysis of Islamic values in 'Aqīdatu Al-'Awām and the application of problem-based learning*. *Jurnal Pendidikan Agama Islam, 20*(1). https://doi.org/10.14421/jpai.v20i1.6639

Murharyana, Al Ayyubi, I. I., Rohmatulloh, R., & Ikromi, S. N. (2024). *The effects of Islamic religious education learning on students' motivation*. *At-Tadzkir: Islamic Education Journal, 3*(1), 1–14. https://doi.org/10.59373/attadzkir.v3i1.44

Nik Fauzi, S. F., Mohamad Ali Adaha, N. M., & Puteri, M. E. (2025). *Muslim Students' Perceptions of Post-Pandemic Learning in Malaysia*. Journal of Contemporary Islamic Studies (JCIS), 11(1), 1–12. https://doi.org/10.24191/jcis.v11i1.9

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 185-200
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118813

Pransiska, S., Sari, D. P., & Nasution, A. R. (2024). *Implementation of the problem based learning (PBL) model in Islamic religious education learning and its implications for the critical thinking ability of students of SMAN 1 Rejang Lebong*. *ISLAMIKA: Jurnal Keislaman dan Ilmu Pendidikan, 6*(1), 346–362. https://doi.org/10.36088/islamika.v6i1.4355

Rambe P., & Nurwahidah. (2023). *The impact of problem-based learning learning methods on the development of Islamic education learning*. *Journal of Insan Mulia Education, 1*(1), 25–30. https://doi.org/10.59923/joinme.v1i1.9

Rizki, T., & Adlini, M. N. (2022). *Problem based learning: Its effect on problem solving skills of Islamic boarding school student*. *Jurnal Biologi-Inovasi Pendidikan, 4*(3), 276–281. https://doi.org/10.20527/bino.v4i3.13905

Rohman, F. (2022). *Problem based learning in Islamic religious education: The case of the Indonesian pesantren*. *Global Journal Al-Thaqafah, 12*(1).

Roni, A. (2025). *The effectiveness of problem-based learning in enhancing student achievement in Islamic religious education*. *Jurnal Keprofesian Guru Keagamaan, 3*(1), 11–20. https://doi.org/10.15575/jkgk.v3i1.648

Shamsaei, M. (2020). *Evaluation of problem-based learning method for teaching Islamic education courses to students of Shiraz University of Medical Sciences*. *Dinamika Ilmu, 20*(2), 241–253. https://doi.org/10.21093/di.v20i2.2488

Sholiha, A., Nisa', Z., Soraya, I., & Hamdani, A. S. (2024). *Problem based learning model analysis in 21st century Islamic religious education learning*. *Edupedia: Jurnal Studi Pendidikan dan Pedagogi Islam, 8*(2), 121–134. https://doi.org/10.35316/edupedia.v8i2.3286

Sutrisno, & Nasucha, J. A. (2022). *Islamic religious education project-based learning model to improve student creativity*. *At-Tadzkir: Islamic Education Journal, 1*(1), 13–22. https://doi.org/10.59373/attadzkir.v1i1.3

Triono, A., Aflachah, S. I., Hidayah, N., Al-Qowim, M. I. I., & Radianti, A. (2023). *Problem-based learning in Islamic education subject to build students' morals in online learning (pandemic experiences)*. *INSANIA: Jurnal Pemikiran Alternatif Kependidikan, 28*(1), 80–97. https://doi.org/10.24090/insania.v28i1.6922

Zakaria, G. A. N., & Nawi, A. (2020). *Design and development of a PBL mobile application in Islamic education: A conceptual framework*. *International Journal of Information and Education Technology, 10*(1), 26–30. https://doi.org/10.18178/ijiet.2020.10.1.1334

Copyright © Academic Inspired Network - All rights reserved

This work is licensed under CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 185-200
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118813

Lampiran

JADUAL RUBRIK PENTAKSIRAN ANALITIKAL PBL PENDIDIKAN ISLAM

Rubrik ini menilai secara holistik merangkumi aspek Kognitif (Pemikiran Kritis), Afektif (Nilai & Sikap Kerohanian) dan Psikomotor (Kemahiran Praktikal & Pembentangan)

Dimensi & Kriteria	Indikator Penilaian	Sangat Memuaskan (4)	Memuaskan (3)	Perlu Tambahbaik (2)	Lemah (1)	Skor (16)
Identifikasi Masalah & Pemikiran Kritis (Kognitif - C4-C5)	Keupayaan mencerakin punca isu, membezakan fakta daripada andaian, dan merangka skop masalah secara analitikal.	Mampu menguraikan akar masalah secara mendalam, membezakan fakta dengan andaian secara tepat dan merumuskan isu keagamaan/ etika secara kritikal.	Mampu mengenali masalah utama dan membezakan fakta serta andaian dengan baik.	Mampu menyatakan masalah secara umum tetapi sukar membezakan fakta daripada andaian.	Gagal mengenali akar masalah dan tidak mampu mencerakin isu secara kritikal.	__ / 4
Integrasi Wahyu & Bukti Empirikal (Kognitif & Afektif)	Kecekapan menggapai dalil al-Quran/Hadis (*Naqli*) serta menyepadukannya dengan data saintifik/ masyarakat (*Aqli*)	Mengaplikasikan dalil *Naqli* yang sangat tepat dan sahih, disepadukan secara mantap dengan data empirikal/ literasi digital yang berwibawa	Menggunakan dalil *Naqli* dan data empirikal yang relevan dengan perbincangan isu.	Dalil atau data yang digunakan kurang tepat atau disepadukan secara lemah.	Tidak menggunakan dalil keagamaan atau bergantung kepada andaian semata-mata.	__ / 4
Musyawarah & Penaakulan Etika (Afektif & Kerohanian)	Mengamalkan adab perbincangan (*Syura*), sikap *tabayyun*, empati sosial dan pemikiran berteraskan nilai moral Islam	Menunjukkan adab musyawarah yang tinggi, menghormati pandangan rakan, bersikap objektif (*tabayyun*) dan mendasarkan solusi atas nilai akhlak mulia	Menunjukkan kerjasama kumpulan yang baik dan menerapkan nilai-nilai moral dalam cadangan solusi.	Kurang aktif berdiskusi atau kurang menerapkan pertimbangan etika Islam.	Menunjukkan sikap pasif/ agresif dalam kumpulan dan mengabaikan nilai etika Islam.	__ / 4
Pembentangan & Resolusi Praktikal (Psikomotor & 'Amal Shalih)	Keupayaan menyampaikan resolusi yang rasional, kreatif (media/laporan) serta boleh diaplikasikan sebagai tindakan nyata (*'amal shalih*)	Membentangkan resolusi yang sangat praktikal, rasional dan kreatif (media/ laporan) serta berupaya mempertahankan hujah secara beradab (*al-radd*)	Penyampaian jelas, solusi praktikal dan munasabah untuk dilaksanakan.	Solusi kurang berasas atau pembentangan kurang teratur dan pasif mendepani soalan.	Solusi tidak berasas, tidak praktikal dan pembentangan tidak bersedia.	__ / 4

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0

Volume: 11 Issues: 88 Special Issue [November, 2026] pp. 185-200
Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)
eISSN: 0128-1755
Journal website: academicinspired.com/jised
DOI: 10.55573/JISED.118813

Skor Akhir & Tahap Penguasaan Pelajar:

- 14 – 16 Markah (87.5% – 100%): Tahap Cemerlang – Sangat Menguasai Pemikiran Kritis & Akhlak Digital.
- 10 – 13 Markah (62.5% – 81.25%): Tahap Kepujian – Menguasai Kemahiran Inkuiri & Nilai Keagamaan.
- 6 – 9 Markah (37.5% – 56.25%): Tahap Lulus / Lulus Bersyarat – Memerlukan Bimbingan Fasilitator Tambahan.
- Bawah 6 Markah (< 37.5%): Tahap Belum Mencapai Standard – Memerlukan Intervensi Semula.

Copyright © Academic Inspired Network
- All rights reserved

This work is licensed under
CC BY 4.0